

**DATE** : 30 MARCH 2017  
**PUBLICATION** : HARIAN METRO  
**SECTION** : BISNES  
**HEADLINE** : IPO PACU DAGANGAN LEBIH TINGGI  
**CATEGORY** : MENTION  
**MEASUREMENT** : 48CM<sup>2</sup>  
**STONE** : NEUTRAL  
**REMARKS** : NIL

## IPO pacu dagangan lebih tinggi

**Kuala Lumpur:** Tawaran awam permulaan (IPO) yang bakal dilaksanakan tahun ini berkemungkinan dapat memacu dagangan Bursa Malaysia lebih tinggi daripada 27 peratus yang dicapai pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad Datuk Seri Tajuddin Atan berkata, penyenaraian Eco World International Berhad pada 3 April ini akan menjadi antara tumpuan utama tahun ini memandangkan permodalan pasarannya

yang besar.

“Selain itu, kami juga mendengar Suruhanjaya Sekuriti Malaysia meluluskan penyenaraian dua IPO lagi, masing-masing di pasaran utama dan pasaran ACE.

“Penyenaraian itu mencukupi untuk mencergaskan pasaran,” katanya selepas mesyuarat agung tahunan Bursa Malaysia, di sini, semalam.

Setakat ini bagi tahun ini, HLT Global Berhad, Matang Berhad, KIP Real Estate In-



**TAJUDDIN**

vestment Trust dan Serba Dinamik Holdings Berhad disenaraikan.

Secara kolektifnya, empat penyenaraian itu mempunyai permodalan pasaran berjumlah RM2.84 bilion, hampir sama dengan permodalan pasaran Eco World International.

Tajuddin berkata, buat masa ini, momentum perdagangan dalam pasaran saham tempatan sangat baik dengan RM4.7 bilion aliran masuk dana asing setakat ini. - BERNAMA